

**GARIS PANDUAN**  
**ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS)**  
**TAHUN 2021**

**1. TUJUAN GARIS PANDUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk membantu pemohon untuk mengemukakan permohonan bagi menyertai Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS). Garis panduan ini menggariskan syarat-syarat kelayakan, syarat-syarat pertandingan, kriteria-kriteria penilaian, proses pemilihan pemenang dan tatacara permohonan AINS.

**2. ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR ( AINS )**

**2.1. PENGENALAN**

Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) merupakan gabungan antara Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor (diperkenalkan mulai tahun 2010) dan Program Cabaran My Innovation (diperkenalkan pada tahun 2015) yang bertujuan untuk memberi peluang kepada semua penduduk di Negeri Selangor yang meliputi individu / orang perseorangan / penjawat awam, syarikat swasta, pelajar sekolah dan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam mencetus idea baru yang kreatif dan inovatif ke arah pembudayaan inovasi di Negeri Selangor.

**2.2. DEFINISI INOVASI**

Inovasi adalah cetusan idea-idea kreatif dan inovatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan atau penggunaan sesuatu produk. Idea-idea tersebut boleh diperolehi dari dalam dan luar atau melalui proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai idea baru atau adaptasi untuk diguna pakai mengikut keperluan. Inovasi yang dihasilkan hendaklah berupaya menambah nilai output semasa serta membawa transformasi dan perubahan kepada amalan sedia ada. Inovasi boleh berbentuk produk, perkhidmatan, proses atau teknologi.

### **2.3. OBJEKTIF AINS**

- i. Mengumpul maklumat produk / hasil inovasi;
- ii. Mempromosi dan menonjolkan produk / hasil inovasi oleh segenap lapisan masyarakat;
- iii. Memberikan pengiktirafan kepada produk / hasil inovasi terbaik sebagai bentuk galakan kepada masyarakat di Negeri Selangor mengembangkan minat dan potensi yang berteraskan inovasi dan kreativiti; dan
- iv. Memupuk, membudaya dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam pekerjaan dan persekitaran masyarakat di Negeri Selangor.

### **2.4. KATEGORI PERTANDINGAN**

Anugerah Inovasi Negeri Selangor dibahagikan kepada lima (5) kategori dan satu (1) anugerah khas seperti berikut : -

- i. Kategori Sektor Awam (Pejabat Daerah dan Tanah/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Agensi-Agenzi Lain)
- ii. Kategori Sektor Swasta
- iii. Kategori Akar Umbi
- iv. Kategori Sekolah
- v. Kategori Institusi Pengajian Tinggi (IPT)
- vi. Anugerah Khas Produk Akhir Terbaik

## **2.5. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

Syarat-syarat penyertaan adalah seperti berikut :-

- i. Penyertaan ini terbuka kepada semua penduduk, jabatan / agensi kerajaan, syarikat-syarikat swasta, sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Negeri Selangor.
- ii. Inovasi yang dihasilkan hendaklah berusia dalam lingkungan dua (2) tahun (2019 – 2021).
- iii. Setiap peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Namun begitu, hanya penyertaan terbaik sahaja yang akan dipilih sebagai pemenang.
- iv. Setiap penyertaan perlu menggunakan borang rasmi seperti di **LAMPIRAN A** yang boleh didapati di lokasi-lokasi berikut :-
  - a. Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
  - b. Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor
  - c. Laman sesawang Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di [www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my)
- v. Kos projek / hasil inovasi adalah menjadi tanggungjawab setiap peserta.
- vi. Penyertaan bagi Kategori Sektor Awam / Swasta perlu mendapat pengesahan dan kelulusan Ketua Jabatan / Agensi yang berkenaan.
- vii. Penyertaan bagi Kategori Sekolah / IPT perlu mendapat pengesahan dari pihak sekolah / IPT yang berkenaan.

- viii. Tiada sebarang yuran penyertaan dikenakan.
- ix. Setiap penyertaan akan melalui dua (2) peringkat penilaian :-

- a. Peringkat Pertama ( Penilaian Awal )

Semua peserta dimohon untuk menyediakan dan menghantar dokumentasi serta video penerangan / persempahan / demonstrasi produk kepada pihak PBT. Produk akan dinilai oleh Panel Penilai berdasarkan dokumentasi serta video penerangan / persempahan / demonstrasi dan seterusnya menentukan penyertaan yang akan terpilih ke peringkat akhir.

- b. Peringkat Kedua ( Penilaian Akhir )

Bagi Penilaian Akhir pula ianya akan dilaksanakan melalui salah satu kaedah seperti berikut :-

- i. Semua produk / hasil inovasi yang terpilih ke peringkat akhir akan dimaklumkan melalui PBT yang berkaitan dan mestilah hadir dan bersedia bagi sesi penilaian akhir yang akan diadakan pada satu tarikh dan lokasi yang akan dimaklumkan kelak;

**ATAU**

- ii. Semua produk / hasil inovasi yang terpilih ke peringkat akhir akan dinilai berdasarkan dokumentasi dan video yang telah dihantar kepada pihak Urus Setia sebelumnya.

**(tertakluk kepada situasi dan perubahan dari semasa ke semasa).**

- x. Seramai empat (4) orang Panel Penilai yang diberikan tanggungjawab menilai semua penyertaan yang layak ke peringkat akhir.
- xi. Penyertaan bagi peserta yang tidak dapat memberikan komitmen dan hadir semasa tarikh penilaian adalah dianggap terbatal secara automatik. Namun begitu, ia perlulah dimaklumkan kepada penyelaras di peringkat PBT atau secara terus kepada pihak Urus Setia di Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

## 2.6. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

Syarat-syarat pertandingan adalah seperti berikut :-

- i. Pertandingan ini terbuka kepada penyertaan bagi semua kategori produk / hasil inovasi.
- ii. Cetusan idea bagi produk / hasil inovasi mestilah daripada ciptaan asli peserta dan tidak meniru / menciplak mana-mana produk / hasil inovasi yang lain.
- iii. Peserta perlu menyediakan dokumen berkaitan produk / hasil inovasi yang dipilih yang mengandungi perkara-perkara berikut seperti di **LAMPIRAN B** :-
  - Tajuk Inovasi
  - Nama Jabatan / Agensi / Institusi
  - Pengenalan
    - Latar belakang ringkas perkhidmatan
  - Penerangan Hasil Inovasi
    - Ringkasan hasil inovasi

- Tarikh inovasi dihasilkan
  - Tujuan Projek Inovasi
  - Proses pelaksanaan inovasi (nyatakan jika dibuat *in-house* atau *out-source*)
  - Proses sebelum dan selepas
  - Elemen penurunan kuasa (jika ada)
  - Kumpulan sasar dan skop liputan
  - Impak inovasi terhadap kumpulan sasar
    - Elemen Inovatif / Kreatif
    - Elemen Keberkesanan
    - Elemen Signifikan
    - Elemen Relevan
  - Pengiktirafan diterima
  - Gambar-gambar berkaitan
  - Implikasi Kewangan (jika ada)
  - Penutup
- iv. Di samping itu, bagi melengkapkan tata cara penyertaan peserta juga dikehendaki untuk menyediakan dan menghantar video penerangan / persembahan / demonstrasi produk dengan kriteria seperti berikut :-
- a. Video hendaklah berdurasi **05 - 10 minit** dalam format .mpg, .wmv, .mp4, .mpeg atau .avi dengan kandungan yang menjelaskan ciri-ciri, fungsi dan lain-lain yang berkaitan dengan projek inovasi.
  - b. Video yang dihasilkan tidak mengandungi unsur yang dianggap sensitif merangkumi penggunaan logo, gambar atau perkataan yang tidak sopan dan menyentuh sensitiviti kaum, budaya dan agama.

- c. Peserta bebas untuk menyediakan video mengikut kreativiti masing-masing. Walau bagaimanapun, pastikan video berkenaan adalah jelas dan terang dari segi suara serta input yang ingin ditonjolkan. Suara atau penceritaan projek daripada peserta diperlukan bagi memudahkan panel membuat penilaian dan memberi komen penambahbaikan.
  - d. Video hendaklah dihantar bersekali dengan *softcopy* dokumentasi **dalam bentuk CD** kepada PBT yang berkenaan.
- v. Penyertaan adalah dibuka kepada semua produk / hasil inovasi yang dihasilkan dalam **tempoh dua (2) tahun terakhir (Mei 2019 – Mei 2021)** termasuk yang telah dikomersialkan.
  - vi. Penggunaan bahan-bahan kitar semula / terbuang adalah sangat digalakkan.
  - vii. Penggunaan sebarang perisian adalah dibenarkan tetapi ia tertakluk kepada undang-undang berkaitan perkomputeran sedia ada yang terpakai.
  - viii. Keputusan Panel Penilai / Juri adalah muktamad dan sebarang bantahan adalah tidak dibenarkan.

## 2.7. PROSES PENILAIAN

Proses penilaian bagi Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) adalah seperti berikut :-

- i. **Peringkat Pertama : Penilaian Dokumentasi Serta Video Dan Tapisan Urus Setia**
  - i. Semua penyertaan akan dinilai melalui dokumentasi dan video penerangan / persembahan / demonstrasi produk. Penilaian berdasarkan kepada skema pemarkahan yang telah disediakan.

**ii. Peringkat Kedua : Penilaian Berdasarkan Dokumen, Pameran dan Demonstrasi Produk (PILIHAN A)**

- i. Dokumen-dokumen projek perlu mematuhi dan mengandungi semua maklumat seperti di perenggan 2.6 (iii) di atas. Panel Penilai akan membuat penilaian berdasarkan kepada komponen penilaian seperti berikut :-
  - a. Keaslian produk / hasil inovasi
  - b. Kreatif / inovatif
  - c. Tahap penggunaan / aplikasi produk / hasil inovasi
  - d. Impak penggunaan produk / hasil inovasi
- ii. Di peringkat kedua ini, Panel Penilai akan membuat penilaian dan menentukan produk / hasil inovasi terbaik mengikut kategori-kategori yang dipertandingkan.
- iii. Semua peserta yang terpilih ke peringkat akhir akan diwajibkan menyertai pameran yang akan dikendalikan oleh pihak Urus Setia.
- iv. Para peserta akhir perlu menyediakan kelengkapan dan peralatan-peralatan yang berkaitan terutamanya produk / hasil inovasi yang dipertandingkan. Tapak dan peralatan asas bagi ruang pameran akan disediakan oleh pihak Urus Setia. Kreativiti dan inovasi ruang pameran masing-masing akan turut diambil kira.
- v. Setiap peserta akhir diwajibkan membuat persembahan / demonstrasi produk kepada Panel Penilai dan bersedia menjawab semua pertanyaan dan soalan yang dikemukakan dan memberikan sebarang maklum balas yang diperlukan. Setiap peserta akan diberikan masa selama 10 minit untuk melaksanakan sesi persembahan / demonstrasi produk.

**iii. Peringkat Kedua : Penilaian Berdasarkan Video Penerangan / Persembahan / Demonstrasi Produk (PILIHAN B)**

- i. Semua penyertaan akan dinilai melalui dokumentasi dan video penerangan / persembahan / demonstrasi produk. Penilaian berdasarkan kepada skema pemarkahan yang telah disediakan

**2.8. KRITERIA PENILAIAN**

Penilaian dan pemarkahan pertandingan akan mengambilkira komponen seperti berikut :-

BIL	KRITERIA PEMARKAHAN	MARKAH (%)
1.	Idea	25
2.	Produk	30
3.	Faedah / Impak	40
4.	Persembahan	5
	<b>MARKAH KESELURUHAN</b>	<b>100</b>

Markah keseluruhan ditentukan dengan menjumlahkan markah semua komponen mengikut wajaran yang ditetapkan. Taraf pencapaian bagi projek secara keseluruhan ditafsirkan melalui pencapaian bintang seperti berikut :-

ANUGERAH	MARKAH (%)
★ ★ ★ ★ ★	90 – 100
★ ★ ★ ★	70 – 89
★ ★ ★	50 – 69

## **2.9 BENTUK ANUGERAH / PENGHARGAAN**

Hadiah dan ganjaran akan diberikan kepada penyertaan yang mendapat tiga markah tertinggi bagi setiap kategori yang dipertandingkan.

Hadiah dan ganjaran bagi semua kategori adalah seperti berikut :-

<b>BIL</b>	<b>TEMPAT</b>	<b>HADIAH</b>
1	Johan	RM5,000.00, Piala dan Sijil Penghargaan
2	Naib Johan 1 Naib Johan 2	RM2,500.00 dan Sijil Penghargaan
3	Saguhati	Sijil Penghargaan

Hadiah dan ganjaran bagi Anugerah Khas Produk Akhir Terbaik adalah seperti berikut :-

<b>BIL</b>	<b>ANUGERAH</b>	<b>HADIAH</b>
1	Produk Akhir Terbaik	RM 3,000.00, Piala dan Sijil Penghargaan

## **2.10. TATACARA PERMOHONAN**

Setiap permohonan mestilah mematuhi tatacara permohonan seperti berikut :-

- i. Setiap penyertaan perlu menggunakan borang rasmi yang disediakan.
- ii. Setiap penyertaan hendaklah dikemukakan sebelum atau pada **31 MEI 2021** melalui salah satu jabatan / agensi berikut :-
  - a. Pihak Berkuasa Tempatan
  - b. Bahagian Korporat, Pejabat SUK Selangor
- iii. Penyertaan mestilah mempunyai perkara-perkara berikut :-
  - a. Borang Rasmi Penyertaan (Lampiran A)
  - b. Dokumen / Buku Laporan Produk / Hasil Inovasi (Lampiran B)
  - c. *Softcopy* dokumen dan video penerangan / persembahan / demonstrasi produk (dalam bentuk CD)
- iv. Pihak Urus Setia berhak menolak mana-mana penyertaan yang tidak mematuhi syarat-syarat penyertaan dan pertandingan.